



GAMBAR ikan lumba-lumba melompat di atas air di belakang Pulau Manukan. – Gambar ehsan Abdul Aziz Hayal

## Petanda baik ekosistem marin tempatan

DE 10.01.2013 /

**Jason Santos**

KOTA KINABALU: Ikan lumba-lumba yang dilihat baru-baru ini dekat Taman Tunku Abdul Rahman, yang tersebar luas di Internet baru-baru ini, merupakan petanda baik ekosistem marin tempatan, dakwa Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Dr Saleem Mustafa.

Beliau berkata sistem ekolokasi haiwan mamalia itu nampaknya disesuaikan kepada persekitaran pantai cetek dan mungkin mempunyai kebolehan mengesan keadaan ekosistem marin.

“Saya mesti menekankan kemungkinan terdapat ciri naluri dan kebolehan untuk mengesan petunjuk alam sekitar yang tidak diketahui sains tetapi mungkin faktor dalam kelakuan ikan lumba-lumba.

“Ini termasuk kemasukannya ke dalam kawasan perlindungan marin yang begitu dekat dengan pantai dan Kota Kinabalu,” jelasnya, pada Rabu.

Beliau berkata penglihatan itu, bagaimanapun, bukan luar biasa, kerana kemungkinan besar mamalia ini mempunyai populasi yang menetap di Borneo, dan akan pergi ke kawasan lain khasnya di mana makanan dan habitat boleh didapati.

“Bekalan makanan adalah satu faktor utama kepada jarak perjalanan dan tempat yang dikunjungi,” katanya.

Dr Saleem menambah jika ikan lumba-lumba dilihat bersama anaknya, itu mungkin bermaksud anaknya berasa selamat di kawasan berkenaan, seperti di kawasan pantai dan pesisir, di mana anaknya dilindungi daripada ikan yu.

Beliau berkata ikan lumba-lumba mempunyai tabiat keibubapaan dan menyusu-

yang baik, serta bijak dan cepat belajar, dan itu mungkin mendorongnya kembali ke kawasan sama.

Justeru, langkah untuk melindungi ikan lumba-lumba juga boleh menyumbang kepada perlindungan ekosistem marin secara umumnya.

“Saya mahu menekankan kepentingan kawasan perlindungan marin. Kita perlu menambah kawasan perlindungan marin ... jika kita mahu melihat lebih banyak mamalia marin,” katanya.

Beliau menambah Sabah berpotensi menjadi tempat untuk memerhati ikan lumba-lumba dan ikan paus jika ekosistem marin tempatan dilindungi dengan berkesan.

Baru-baru ini, gambar ikan lumba-lumba muncul atas talian, selepas kumpulan ikan lumba-lumba ditemui oleh kaki-tangan daripada Borneo Dream Travel and Tours pada 3 Januari, sementara satu kumpulan lagi turut dilihat dua hari kemudian.

Pakar marin, Dr Lindsay Porter menggambarkan ikan lumba-lumba itu sebagai pelawat sahaja dari jauh di laut, serupa dengan apa yang berlaku dekat Taman Tunku Abdul Rahman.

“Ikan lumba-lumba hanya muncul sekali-sekala, sukar untuk mengagak apa yang mempengaruhi pergerakannya,” kata beliau.

Penyelam profesional dan Borneo Dream, Joanne Cotterill juga berkata mamalia tersebut biasanya ditemui di perairan dalam, di mana secara idealnya terdapat lebih banyak ikan baginya.

“Kami memang bertuah bertemu ikan lumba-lumba itu pada awal perjalanan bersnorkel dan menyelam kami,” katanya.